

**TINJAUAN MENGENAI KEPRIHATINAN DAN KEPEKAAN
MASYARAKAT MENGENAI PENJAGAA KEBERSIHAN SUNGAI
SARAWAK DI SEKITAR TEBINGAN KUCHING**

DISEDIAKAN OLEH:

| | |
|--------------------------------------|-----------------|
| MOHAMAD BORHAN BIN AHMAD ULIS | 98444170 |
| MOHAMMAD FAISAL BIN SAMSUDIN | 99002564 |
| MOHAMMAD FAIZAN BIN MORSHIDI | 98444250 |
| RAZALI BIN ABDUL RAHMAN | 98444826 |
| SAMSURI BIN SIJI | 98445120 |

Kertas Projek ini dihantar untuk memenuhi syarat mendapatkan Diploma
Pentadbiran Awam, FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-
UNDANG, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
SARAWAK

SEPTEMBER 2002

Isi Kandungan

| | |
|--|----|
| Senarai Jadual | i |
| Penghargaan | ii |
| Abstrak | iv |
| Surat Penyerahan | v |
| | |
| Bab 1: pengenalan Kajian | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.1.1 Latarbelakang Masyarakat | 4 |
| 1.1.2 Peranan dan Fungsi Masyarakat | 6 |
| 1.2 Objektif Kajian | 8 |
| 1.3 Penyata Masalah | 9 |
| 1.4 Skop Penyelidikan | 11 |
| 1.5 Hipotesis | 12 |
| 1.6 Andaian | 13 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 14 |
| 1.8 Batasan Kajian | 15 |
| | |
| Bab 2: Tinjauan Kajian | |
| 2.1 Pengenalan | 16 |

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapatlah kami menyiapkan kertas projek bagi matapelajaran PAD 340. Kertas projek ini adalah merupakan subjekwajib bagi pelajar-pelajar Diploma Pentadbiran Awam.

Dalam usaha menyiapkan kertas projek ini kami telah menjalankan penyelidikan melalui bahan-bahan bacaan seperti majalah-majalah dan soal seliduk. Kami juga mendapatkan bantuan dan tunjuk ajar daripada Encik Nicholas Amin iaitu Pensyarah PAD 340 atas bantuan dan tunjuk ajar dari beliau. Kami mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Pensyarah PAD 380 iaitu Encik Anthony K. Samuel yang turut membantu kami semasa penyiapan kajian ini. Juga kepada mereka yang di bawah:

- 1) Encik Zeeke Piree

Pengawai penguatkuasa Lembaga Sungai Sarawak.

- 2) Encik Anggar

Inspektor Lembaga Sungai Sarawak

- 3) Encik Micheal Wilson Unting

Pegawai Unit Pendidikan

Jabatan Alam Sekitar

Tidak lupa juga Tuan Haji Shaharudin yang sudi menjadi penasihat kumpulan kami yang juga banyak memberi pandangan dan idea bagi kami menyiapkan projek dan

ABSTRAK

Kajian yang kami jalankan ini bertujuan untuk mengkaji tahap keprihatinan masyarakat di sekitar Bandaraya Kuching terhadap kebersihan Sungai Sarawak. Ia juga merangkumi tentang sumbangan masyarakat terhadap proses pemuliharaan dan pemeliharaan Sungai Sarawak. Selain itu, kami juga mengkaji tahap pengetahuan masyarakat setempat tentang keprihatinan mereka terhadap isu-isu pencemaran yang berlaku di Sungai Sarawak dan sejauh mana maklumat yang mereka perolehi berkaitan dengan alam sekitar terutamanya berkaitan dengan sungai. Kami juga menjalankan kajian terhadap peranan pihak-pihak berkuasa terutamanya Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) terhadap Sungai Sarawak. Ini termasuklah tentang tugas harian yang berkaitan dengan sungai, langkah-langkah yang diambil untuk membersihkan sungai dan denda yang dikenakan terhadap mereka-mereka yang didapati bersalah kerana mengotorkan atau mencemarkan Sungai Sarawak. Tidak dilupakan kajian kami terhadap sejauh mana program-program yang dianjurkan oleh pihak berkuasa terutamanya Lembaga Sungai-Sungai Sarawak memberi kesan kepada masyarakat disekitar Sungai Sarawak. Tindak balas masyarakat setempat terhadap program yang di jalankan berkaitan tentang tanggungjawab mereka terhadap Sungai Sarawak merangkumi isu pencemaran, penjagaan, pemuliharaan dan juga segala aspek yang berkaitan Sungai Sarawak. Dari kaji selidik kami, kami berpendapat bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa yang menjaga Sungai Sarawak patut di tekankan terhadap sikap masyarakat setempat kerana mereka patut diberi pendedahan terhadap isu pencemaran Sungai Sarawak. Di samping itu, masyarakat patut di beri maklumat yang secukupnya tentang isu-isu pencemaran dan penjagaan Sungai Sarawak. Diharapkan hasil daripada kajian kami ini dapat membuka mata semua pihak terhadap pentingnya penjagaan Sungai Sarawak daripada pencemaran. Penekanan utama adalah kerjasama daripada masyarakat setempat terhadap usaha yang dijalankan oleh pihak berkuasa terutamanya Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dalam memastikan Sungai Sarawak sentiasa bersih dan terpelihara daripada segala pencemaran. Ini disebabkan sungai adalah nadi kehidupan manusia. Sungai seharusnya dipelihara daripada pencemaran agar generasi akan datang dapat mewarisi sungai yang indah dan bersih.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan kajian.

Sistem perairan memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mencapai status sebagai negara maju di rantau ASEAN. Ia merupakan sumber penggerak yang penting untuk pembangunan Malaysia sebagai negara industri. Di dalam kita mengejar kemajuan timbul persoalan mengenai tahap keprihatinan di kalangan masyarakat terhadap penjagaan kebersihan sungai di negara kita yang difokuskan kepada Sungai Sarawak di Tebingan Kuching. Sungai tersebut pada dasarnya adalah bersih tapi telah dibuktikan oleh para kimiawan bahawa kandungan air Sungai Sarawak itu mengandungi toksik yang berbahaya kepada manusia walaupun sememangnya penduduk setempat tidak lagi menggunakan air tersebut untuk keperluan harian.

Di zaman serba moden ini, pencemaran sungai adalah satu fenomena yang normal bagi mana-mana negara di dunia ini. Ia tidak dapat dielakkan secara keseluruhan dari berlaku. Kadar kebersihan sungai di Malaysia semakin hari semakin membimbangkan. Sebagai contoh, Sungai Klang telah dicemari dengan timbunan sampah sarap akibat daripada penempatan rumah-rumah setinggan terutamanya di tiga daerah utama di Selangor iaitu Gombak, Petaling Jaya, dan Klang membuang kira-kira 100 tan metrik sampah sarap di sepanjang Sungai Klang. Jabatan Perairan dan Saliran atau (JPS) mengatakan jumlah ini membawa kepada purata 200,00 tan metrik sampah setahun. Ini amat dikhuatiri kerana jika